

A Pilih kata majmuk yang paling sesuai. Membaca : TP4

1. Jasman tetap _____ walaupun tidak terpilih untuk mewakili sekolah dalam pertandingan bola keranjang tersebut.
 A terasa hati
 B berlapang dada
 C langkah kanan
 D langkah kiri
2. Ai Lin berasa dahaga selepas berjalan pulang dari sekolah kerana cuaca pada _____ itu agak panas.
 A tengah hari
 B hari raya
 C matahari
 D tengah malam
3. _____ bangunan yang dibina di Iskandar Puteri itu sangat menarik dan cantik sekali.
 A Reka hias
 B Reka cipta
 C Reka bentuk
 D Reka lukis
4. Semangat _____ yang ditunjukkan oleh ibu bapa dan warga sekolah telah menjayakan program gotong-royong itu.
 A jawatankuasa
 B olahraga
 C kerjasama
 D kakitangan
5. Pak Man menggunakan _____ untuk mengangkut kelapa-kelapa yang dikutip ke bangsal di kebunnya.
 A kereta sorong
 B kereta api
 C kereta sewa
 D kereta lembu
6. Ibu sungguh _____ apabila melihat telatah adik meniru gaya pelawak itu menari.
 A geli hati
 B makan hati
 C sakit hati
 D jatuh hati
7. Cik Lina _____ pulang ke rumah apabila melalui kawasan yang sunyi itu pada waktu malam.
 A cepat kaki
 B cepat tangan
 C kaki bangku
 D kaki botol
8. Wajah suspek itu menjadi _____ apabila disoal berkali-kali oleh pihak polis.
 A merah padam
 B pucat lesi
 C hitam legam
 D merah menyala
9. Beberapa orang ahli _____ dipilih untuk mewakili pihak ibu bapa dalam Mesyuarat Agong PIBG sekolah.
 A kakitangan
 B suruhanjaya
 C bumiputera
 D jawatankuasa
10. Encik Malik melaporkan kepada _____ tentang masalah yang dihadapi oleh petani di kampung itu.
 A ketua kampung
 B setiausaha
 C ketua kelas
 D guru besar